

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 7 TAHUN 2015

**PEMANJANGAN PEMBERIAN ELAUN KHAS PENTADBIRAN KEPADA NAIB
CANSELOR, TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR DAN PENOLONG-PENOLONG
NAIB CANSELOR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**


Sukacita memaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti melalui mesyuarat bertarikh 7 Ogos 2015 telah meluluskan **Pemberian Elaun Khas Pentadbiran Kepada Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor Dan Penolong-Penolong Naib Canselor di Universiti Malaysia Pahang** berkuatkuasa mulai **1 Ogos 2015** dengan menggunakan peruntukan dalaman Universiti.

2. Peraturan mengenai Bayaran Elaun Khas Pentadbiran adalah sebagaimana di **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)

Timbalan Pendaftar

Jabatan Pendaftar

Tarikh : September 2015

Edaran Kepada.:

Penolong Naib Canselor (Jabatan Hal Ehwal Korporat & Kualiti (JHKK))

Penolong Naib Canselor (Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat (JJIM))

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

HA/sbm/Pkh/pekeliling/PP6_2015



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7 TAHUN 2015

**PEMANJANGAN PEMBERIAN ELAUN KHAS PENTADBIRAN KEPADA NAIB
CANSELOR, TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR DAN PENOLONG-PENOLONG
NAIB CANSELOR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**JABATAN PENDAFTAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**PEMANJANGAN PEMBERIAN ELAUN KHAS PENTADBIRAN KEPADA NAIB
CANSELOR, TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR DAN PENOLONG-PENOLONG
NAIB CANSELOR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

PERATURAN MENGENAI BAYARAN ELAUN KHAS PENTADBIRAN

1. **Asas Penentuan Pemberian Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama**
 - a. Bayaran Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama adalah elaun yang dibayar kepada staf-staf akademik di UMP (kecuali bagi Elaun Pengetua Asrama – terpakai kepada staf bukan akademik) yang terlibat dengan pengajaran & pembelajaran di fakulti dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran samada di fakulti, pusat atau jabatan atau pentadbiran utama Universiti di samping menjalankan tugas hakikinya masing-masing.
 - b. Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama merupakan imbuhan galakan untuk staf-staf akademik di Universiti yang dilantik untuk menjalankan tugas tambahan yang berkaitan.
 - c. Elaun tersebut hanya akan dibayar kepada staf-staf tersebut setelah pelantikannya dibuat secara rasmi pada sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa / Mesyuarat tertentu. Penentuan sama ada seseorang staf tersebut layak menerima Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama adalah staf tersebut mestilah merupakan staf yang diistilahkan sebagai staf akademik sebagaimana jawatan di bawah :-
 - i. Semua Pensyarah-Pensyarah
 1. Profesor Gred VK7 / VK6 / VK5/Turus III/III/I
 2. Profesor Madya Gred DS53 / DS54
 3. Pensyarah Kanan Gred DS51/ DS 52
 4. Pensyarah Grd DS 45
 - ii. Semua staf akademik di bawah lantikan Skim Perkhidmatan Akademik UMP;
 1. Felo Perunding / Felo Perunding Utama
 2. Profesor / Profesor Madya / Pensyarah Pelawat
 - iii. Semua Pegawai Latihan Vokasional (selama mana ianya dikategorikan dalam Perkhidmatan Akademik oleh pihak Universiti)
 1. Pegawai Latihan Vokasional Gred J 41 – J 54

d. Kadar Bayaran Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama

- i. Elaun Khas Pentadbiran dan Elaun Pengetua Asrama merupakan imbuhan galakan untuk Pegawai Akademik di Universiti Malaysia Pahang yang dilantik untuk menjalankan tugas tambahan yang berkaitan. Kadar elaun-elaun tersebut adalah seperti berikut:

Elaun Pentadbiran Khas bagi staf yang dilantik menjawat jawatan pentadbiran Utama di UMP;

Bil	Jawatan Giliran	Kadar Elaun
1	Naib Canselor	*RM 1,500.00
2	Timbalan Naib Canselor	*RM 1,250.00
3	Penolong Naib Canselor	*RM 1,000.00

** Menggunakan peruntukan dalaman Universiti jawatan pentadbiran Utama di UMP*

Elaun Pentadbiran Khas bagi staf yang dilantik menjawat jawatan pentadbiran khas di Fakulti-Fakulti di UMP;

Bil	Jawatan Giliran	Kadar Elaun
1	Dekan	RM 800.00
2	Timbalan Dekan	RM 700.00
3	Ketua Jabatan / Ketua Program / Ketua Teknikal	RM 600.00

Elaun Pentadbiran Khas bagi staf yang dilantik menjawat jawatan pentadbiran khas di Pusat-Pusat selain daripada Fakulti seperti di Pusat-Pusat Kecemerlangan / Tanggungjawab / Pusat-Pusat Sokongan dan Jabatan-Jabatan di UMP.

Bil	Jawatan Giliran	Kadar Elaun
1	Dekan / Pengarah / Pengetua*	RM 700.00
2	Timbalan Pengarah / Ketua Program / Ketua Jabatan	RM 600.00

**Elaun Khas Pentadbiran bagi Jawatan Giliran Pengetua adalah terpakai kepada staf bukan akademik .*

e. Syarat-syarat Pembayaran Elaun Khas Pentadbiran

- i. Elaun Khas Pentadbiran dibayar kepada pegawai yang diarahkan menjalankan tugas atau menanggung kerja dengan kadar bayaran separuh (1/2) daripada jumlah elaun bagi jawatan tersebut sekiranya pegawai yang diarahkan telah menerima elaun pentadbiran yang lain (menyandang jawatan lain yang dibayar elaun).
- ii. Elaun Khas Pentadbiran dibayar kepada pegawai yang diarahkan menjalankan tugas atau menanggung kerja dengan kadar penuh elaun bagi jawatan tersebut

sekiranya pegawai tidak menerima elaun pentadbiran yang lain (tidak menyandang jawatan lain atau menyandang jawatan yang tidak dibayar

- iii. Elaun Khas Pentadbiran dibayar kepada pegawai yang diarahkan memangku dengan kadar penuh elaun bagi sesuatu jawatan.
- iv. Bagi penyandang yang meninggalkan tugas melebihi 28 hari, elaun khas pentadbiran hendaklah ditamatkan.
- v. Elaun bagi penyandang akan dihentikan selama tempoh jawatan tersebut ditanggung atau tugasnya dijalkan oleh pegawai yang lain.
- vi. Pembayaran elaun tertakluk kepada pegawai melaksanakan tugas selama dua puluh lapan (28) hari berturut-turut termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada lima (5) hari bekerja.
- vii. Ringkasan penetapan kadar mengikut kategori adalah seperti berikut:

Status / Lantikan	Penyandang Jawatan Lain (Menerima Elaun)	Penyandang/Tidak Menyandang Jawatan Lain (Tanpa Elaun)
Menjalankan Tugas	Layak terima tambahan $\frac{1}{2}$ daripada jumlah elaun jawatan	Layak menerima jumlah penuh elaun
Memangku (staf meninggalkan tugas jawatan sediaada)	Layak menerima jumlah penuh elaun	Layak menerima jumlah penuh elaun
Menanggung Kerja	Layak terima tambahan $\frac{1}{2}$ daripada jumlah elaun jawatan	Layak menerima jumlah penuh elaun

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar

Tarikh : 9 September 2015